

Headline	Program pupuk semangat muhibah, kesukanan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 May 2013	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Letters	Color	Black/white
Page No	36	ArticleSize	135 cm ²
AdValue	RM 2,359	PR Value	RM 7,077



Program pupuk semangat muhibah, kesukanan

Berbasikal adalah satu kaedah pengangkutan yang dapat membantu mengurangkan masalah pencemaran dan melindungi alam sekitar.

Sempena Bulan Kepenggunaan, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang akan menganjurkan Kempen Berbasikal Ke-15.

Sejak 2006, CAP dengan kerjasama pelbagai agensi dan jabatan kerajaan menganjurkan 14 Kempen Berbasikal di Pulau Pinang, Butterworth, Alor Setar, Ipoh, Universiti Utara Malaysia (UUM), Kangar, Jawi dan Balik Pulau.

Tarik minat orang ramai, NGO sertai kempen

Pada 26 Mei, kami akan mengadakan kempen di Butterworth. Setiap kali kempen diadakan, ia mendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada orang ramai.

Kami gembira kerana kempen yang dianjurkan menarik minat pelbagai NGO di Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Perlis, sekali gus menggalakkan mereka menganjurkan acara sedemikian di bandar mereka

sendiri. Malah, bilangan yang menggunakan basikal turut meningkat.

Aktiviti berbasikal bukan saja sebagai senaman dan rekreasi, tetapi CAP ingin melihat berbasikal menjadi pengangkutan di bandar.

Kempen berbasikal ini akan diadakan pada Ahad, 26 Mei, jam 8 pagi, bermula di tepi Dewan Dato Haji Ahmad Badawi, Pulau Pinang. Peserta akan berbasikal melalui jalan di sekitar Butterworth dan berakhir di tempat permulaan dengan jarak keseluruhan perjalanan sejauh 10 kilometer.

Kami mendapati aktiviti ini menjadi platform bagi rakyat daripada semua lapisan masyarakat dan kaum beramah mesra, sekali gus mewujudkan semangat muhibah serta semangat kesukanan.

Kami bercadang menganjurkan Kempen Berbasikal di bandar, luar bandar dan perumahan di seluruh negara dalam usaha mempopularkan basikal sebagai sukan rekreasi dan bentuk pengangkutan.

SM Mohamed Idris
Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang